



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-4/1 Jld. 12 (70)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5/2026

KEISTIMEWAAN PEGAWAI YANG DILANTIK MEMANGKU

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan syarat kelayakan untuk menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan kepada pegawai yang dilantik memangku.

LATAR BELAKANG

2. Keistimewaan pegawai yang dilantik memangku pada masa ini adalah berdasarkan Peraturan 113, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

3. Walau bagaimanapun, pegawai yang memangku kurang dari tempoh setahun tidak layak menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan seperti di Peraturan 113 (1) (a) hingga (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

“SABAH MAJU JAYA”

4. Selain itu, bagi pemangkuan yang berpanjangan tetapi bukan dengan tujuan kenaikan pangkat maka kelayakan untuk menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang berasaskan kepada jawatan yang dipangku oleh pegawai itu hendaklah dipertimbangkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri selaras dengan Peraturan 113 (2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

5. Selaras dengan keperluan semasa, syarat kelayakan untuk menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan tersebut ditambahbaik melalui Pekeliling Perkhidmatan ini dan layak dinikmati mulai daripada tarikh kuat kuasa pelantikan memangku seseorang pegawai ke jawatan yang lebih tinggi walaupun tempoh memangku tersebut kurang dari setahun atau pelantikan memangku tersebut bukan untuk tujuan kenaikan pangkat.

TAFSIRAN

6. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Memangku” bermaksud pelaksanaan tugas satu jawatan yang lebih tinggi bagi sesuatu tempoh masa dengan meninggalkan jawatan hakiki; dan

“Pegawai” bermaksud semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

KEISTIMEWAAN PEGAWAI YANG DILANTIK MEMANGKU

7. Seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi adalah layak menikmati keistimewaan yang berupa elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan untuk jawatan yang dipangkunya mulai daripada tarikh kuat kuasanya pemangkuan itu, termasuklah elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

Kumpulan Perkhidmatan	Elaun dan Kemudahan	Kadar/syarat kelayakan
Pengurusan Tertinggi	a) Imbuhan Tetap Perumahan; b) Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah; c) Bayaran Bantuan Gaji Pemandu; d) Bayaran Bantuan Gaji Pekerja Rumah; e) Peruntukan Kereta Rasmi; f) Cuti Rehat Tahunan; dan g) Bekalan Elektrik dan Air Percuma (Gred VU4 dan ke atas sahaja).	Tertakluk dengan Peraturan dan Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
Pengurusan dan Profesional	a) Imbuhan Tetap Perumahan; b) Bayaran Bantuan Gaji Pemandu; c) Peruntukan Kereta Rasmi; dan d) Cuti Rehat Tahunan.	Tertakluk dengan Peraturan dan Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
Pelaksana	a) Cuti Rehat Tahunan	Tertakluk dengan Peraturan dan Pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2026**.


“SABAH MAJU JAYA”

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(ZAINUDIN BIN AMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : 24.07.2026.

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8-11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”